

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TZE TZIN  
(BAYAN BARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.05.2015**

**Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan meletakkan barangan keperluan kanak-kanak 5 tahun dan ke bawah ke senarai pembekalan berkadar sifar GST, seperti yang dituntut oleh kempen Jangan Cukai Anak Kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015, barangan keperluan kanak-kanak yang berusia lima tahun

dan ke bawah seperti pakaian, kasut dan beg sekolah dikenakan cukai jualan pada kadar 10 peratus. Setelah GST dilaksanakan, kadar GST ke atas barang-barang tersebut adalah lebih rendah iaitu enam (6) peratus sahaja. Kedudukan peniaga adalah lebih baik di bawah sistem GST kerana sistem GST membenarkan peniaga yang menjual barangan tersebut untuk menuntut kembali GST yang telah dibayar ke atas input perniagaan mereka. Ini bermakna GST yang dibayar tidak akan menjadi sebagai sebahagian daripada kos barangan. Tiada elemen *embedded tax* yang akan berlaku.

GST bukanlah satu-satunya faktor penentu kepada perubahan harga bermula pada 1 April 2015. Antara faktor penentu lain adalah seperti berikut:

- a. kadar cukai yang dikenakan di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum ini;
- b. samada peniaga telah mengeluarkan elemen cukai jualan dan cukai perkhidmatan sebelum mengenakan GST;
- c. samada penjaminan yang dinikmati oleh peniaga dalam bentuk GST yang boleh dituntut sebagai kredit dan bayaran balik khas cukai jualan diterjemahkan dalam bentuk penurunan harga;

- d. samada peniaga mengekalkan margin keuntungan dan tidak membuat aktiviti pencatutan; dan
- e. faktor lain seperti permintaan dan penawaran, kawasan geografi, tekanan kos seperti kenaikan harga bahan api, bahan mentah dan upah.

Model GST yang dicadangkan oleh Kerajaan telahpun mengambil kira corak perbelanjaan (*consumption pattern*) rakyat bagi kesemua golongan termasuklah golongan berpendapatan rendah. Dengan mengambil kira corak perbelanjaan tersebut, GST tidak dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan asas yang kebanyakannya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Antaranya, Kerajaan telah mengenakan GST pada kadar sifar ke atas buku tertentu seperti buku bergambar, buku lukisan dan buku berwarna kanak-kanak serta susu formula bayi bagi kategori umur 0 sehingga 36 bulan yang meliputi semua jenis perisa.